

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
KAWASAN : KLANG  
TARIKH : 27.10.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : 38

YB. TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan Kesediaan Kerajaan untuk menghadapi "ASEAN Economic Community" (AEC) pada tahun 2015. Dan bagaimanakah Kerajaan akan "integrate" 'ASEAN Declaration on Strengthening Social Protection' di Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Integrasi ekonomi ASEAN telah bermula sejak lebih dua dekad yang lalu dengan termeterainya Perjanjian Rangka Kerja Memperkuatkan Kerjasama Ekonomi ASEAN pada Januari 1992. Proses integrasi ekonomi ASEAN telah diperkuatkan lagi melalui Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community (AEC) Blueprint*) yang disokong oleh Ketua-Ketua Negara Anggota ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-13 pada tahun 2007. *AEC Blueprint* merupakan pendekatan tersusun dan berperingkat bagi liberalisasi dan

integrasi ekonomi ASEAN untuk meningkatkan daya saing negara-negara anggota ASEAN khususnya dalam menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Tiga (3) skop utama AEC adalah integrasi perdagangan, perkhidmatan dan pelaburan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Beberapa langkah-langkah utama telah dan sedang dilaksanakan Kerajaan untuk memastikan pelbagai peringkat masyarakat di Malaysia bersedia untuk menghadapi kewujudan AEC iaitu:

- (i) semua proses liberalisasi di bawah AEC dijalankan secara berperingkat bagi memastikan kesemua pihak dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan persekitaran perniagaan;
- (ii) pelbagai program telah disediakan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SME Corp.), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia, terutamanya dalam melaksanakan program-program pembangunan modal insan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS), khidmat nasihat maklumat pasaran serta bantuan pembiayaan perniagaan.

Bantuan-bantuan ini adalah perlu bagi memastikan usahawan Malaysia dapat bersaing secara domestik dan serantau;

- (iii) memastikan rakyat Malaysia khususnya usahawan tempatan sedar mengenai kewujudan AEC melalui pelbagai program kesedaran (*awareness programme*);
- (iv) misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN juga dilaksanakan setiap tahun bagi memberi pendedahan kepada ahli-ahli perniagaan termasuk syarikat-syarikat multinasional dan PKS di Malaysia mengenai peluang-peluang perniagaan sedia ada di bawah AEC dan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas ASEAN; dan
- (v) Kerajaan juga berkerjasama rapat dengan majlis-majlis perniagaan Malaysia di luar negara.

3. Kesan integrasi dan ekonomi ASEAN telah memberikan ruang dan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk memperluaskan perniagaan ke negara-negara anggota ASEAN lain. Sehingga kini dianggarkan lebih daripada 500 buah syarikat Malaysia sedang beroperasi di negara-negara anggota ASEAN termasuklah AirAsia, Maybank, CIMB, RHB, UEM, BinaPuri, SimeDarby, Petronas, Secret Recipe, Marrybrown dan Ingress.

4. Dengan jumlah penduduk sebanyak 30 juta orang di Malaysia, Kerajaan berpandangan bahawa pembentukan AEC akan membawa banyak aspek positif terutamanya membolehkan syarikat-syarikat Malaysia meneroka pasaran ASEAN yang luas serta membolehkan syarikat-syarikat Malaysia untuk melabur di negara-negara anggota ASEAN yang lain.

5. Integrasi ekonomi ASEAN telah membawa kesan positif kepada rantau ASEAN amnya dan Malaysia khususnya. ASEAN kini dilihat sebagai destinasi utama pelaburan langsung asing (*foreign direct investment – FDI*). FDI ke ASEAN pada tahun 2013 berjumlah US\$122.4 bilion, meningkat sebanyak 7.1 peratus berbanding tahun 2012. Daripada jumlah ini, sebanyak US\$12.3 bilion telah dilaburkan di Malaysia, dimana jumlah ini adalah yang keempat tertinggi selepas Singapura, Indonesia dan Thailand.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Selain aspek ekonomi, ASEAN juga memberi penekanan kepada pembangunan modal insan di rantau ini. Ketua-Ketua Negara Anggota ASEAN telah bersetuju dengan Deklarasi ASEAN Mengenai Pengukuhan Perlindungan Sosial pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-23 pada tahun 2013. Deklarasi ini antara lain bertujuan untuk memberikan perlindungan sosial yang lebih berkualiti, meluas dan mampan kepada penduduk ASEAN. Negara-negara anggota ASEAN juga telah bersetuju dengan Rangka Kerja ASEAN Untuk Pembangunan Ekonomi Saksama pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-19 pada tahun 2011 yang menggariskan

komitmen ASEAN untuk membangun secara inklusif, mampan dan saksama serta menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah pasaran tunggal dan pengeluaran antarabangsa yang kompetitif. Deklarasi-deklarasi ASEAN ini selaras dengan usaha Kerajaan yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat selari dengan arus globalisasi.

7. AEC juga akan secara tidak langsung akan meningkatkan kualiti kerja rakyat Malaysia serta menjadikan mereka lebih berdaya saing untuk memastikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh mereka boleh diterima di negara-negara anggota ASEAN yang lain.
8. Integrasi ekonomi ASEAN melalui pewujudan AEC juga akan memberikan lebih banyak pilihan kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan yang terbaik dengan kos yang lebih rendah. Ini sekaligus akan mengurangkan kos sara hidup dalam jangka masa panjang dan juga mewujudkan pengguna yang lebih bijak.
9. Selain AEC, Komuniti ASEAN mempunyai dua lagi tonggak utama iaitu Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN. Tumpuan utama Komuniti Sosio-Budaya ASEAN adalah pembangunan modal insan dari segi pendidikan, pekerjaan, sains dan teknologi maklumat; perlindungan dan kebajikan sosial dengan mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan keselamatan makanan; hak asasi manusia termasuklah bagi pekerja asing; kemampunan alam sekitar;

serta membina identiti ASEAN dengan memelihara dan mempromosi warisan kebudayaan ASEAN. Pelbagai program telah dilaksanakan bagi mengurangkan impak ke atas warga ASEAN. Oleh yang demikian, integrasi di rantau ini mengambil kira kepentingan semua lapisan masyarakat.